



Harga ikan RM1,400 seekor

Kelah biru catat harga termahal kerana memiliki warna menarik

AZLIDA ALIMIN

KOTA BHARU

Kelah atau mahseer dari dalam keluarga Cyprinidae merupakan antara spesies ikan bernilai tinggi dan boleh mencapai sehingga ribuan ringgit seekor.

Tidak hairanlah jika ia menjadi buruan kaki pancing sama ada untuk dijual atau dijadikan juadah bagi

golongan yang mampu menikmati sajian mewah itu.

Manakala tidaknya, seekor ikan kelah liar dijual RM250 hingga RM350 sekilogram atau puratanya RM1,000 seekor.

Tidak terkecuali, seorang pemuda di Kampung Taman Pemuda, Wakaf Star Kubang Kerian, Firdaus Wahab, 27, menjadikan hobi memelihara ikan sebagai sumber pendapatan sampingan sejak tiga tahun lalu.

Firdaus yang bekerja sebagai juruteknik penyamanan udara di Kota Bharu berkata, dia mula berjinak dengan dunia perniagaan selepas mendapat ikan air tawar itu mampu memberi pulangan lumayan.

Setakat ini katanya, dia memelihara empat jenis ikan kelah iaitu kelah merah bara, biru, emas dan spesies luar negara.

Kelah biru paling mahal

Katanya, kelah biru mencatatkan harga termahal kerana ia memiliki warna yang menarik berbanding kelah lain.

"Jika kelah biru liar bersaiz kecil iaitu kurang daripada dua kilogram, ia dijual RM250 sekilogram.

"Namun kalau ia besar iaitu boleh mencapai lebih tiga kilogram, harganya akan meningkat kepada RM350 sekilogram iaitu RM1,400 seekor," katanya.

Firdaus berkata, harga yang ditetapkan berbeza mengikut sukanan kerana ikan yang memiliki berat lebih dua kilogram, dikatakan mempunyai tekstur yang enak dan berlemak.

Menurutnya, kelah biru biasanya mempunyai purata berat tidak lebih empat kilogram, manakala kelah merah bara dewasa boleh mencapai sehingga empat kali ganda berat kelah biru.

Ini kerana katanya, walaupun ia boleh mencapai sehingga usia 20 tahun, tumbesaran kelah biru agak perlahan

Kalah ia besar iaitu boleh mencapai lebih tiga kilogram, harganya akan meningkat kepada RM350 sekilogram iaitu RM1,400 seekor."

- Firdaus

jika dibandingkan dengan kelah merah bara.

Bekalan daripada Orang Asli

Firdaus berkata, dia mendapat bekalan daripada penduduk tempatan termasuk Orang Asli di Gua Musang, Endau Rompin, Terengganu dan Thailand.

Katanya, kelah dari Terengganu mendapat permintaan tinggi berbanding negeri lain.

"Ia mungkin berlaku kerana faktor cuaca, persekitaran dan sumber air sehingga mempengaruhi corak serta tekstur ikan liar tersebut," katanya.


Menurutnya, dia mendapat permintaan tinggi setiap kali perayaan Tahun Baharu Cina dan majlis pertabalan raja.

"Kebanyakan pelanggan saya beli ikan untuk dijadikan juadah bagi sambutan perayaan atau meraikan majlis sempena pengurniaan darjah kebesaran Diraja.

"Saya juga pernah ada pelanggan, beli ikan kelah mencecah sampai ribuan ringgit semata-mata nak penuhi permintaan isteri yang mengidam ketika mengandung anak sulung," katanya.

Bagi memastikan kesegaran ikan yang dijual, Firdaus berkata, dia hanya akan mencari kelah liar sekiranya mendapat permintaan daripada pelanggan.

Firdaus menjual ikan kelah RM250 hingga RM350 sekilogram.



Membuat persediaan sebelum melepaskan ikan di kolam.



Penjagaan mudah

Firdaus yang kini memelihara lebih 100 kelah berkata, dia turut menjual anak ikan sebagai haiwan peliharaan di rumah.

Menurutnya, harga ditetapkan mengikut saiz iaitu RM35 bagi empat inci kelah manakala RM300 seekor bagi kelah berukuran 10 inci.

Katanya, dia menitikberatkan penjagaan kelah dalam akuarium kerana ikan itu memerlukan air yang jernih dengan suhu bersesuaian.

"Saya selalu galakkan perminat yang mahu berjinak dengan pemeliharaan ikan akuarium kerana kelah tidak memerlukan penjagaan yang khusus.

"Kita cuma kena rajin pastikan airnya jernih dan tapisan kotoran berfungsi dengan baik," katanya.



Firdaus menggunakan laman Facebook, Ahmad Kelah Centre untuk memasarkan ikan kelah yang berjaya ditangkap.